

Ingat Pemberi Nikmat bukan hanya nikmat-Nya

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2012 (029644) |

M O T I V A S I • F A R D U A I N •

ISU No.

43

Subur dengan Syukur

Orang yang bersyukur sentiasa malu untuk "dimiliki" selain oleh Allah.

Apabila manusia tidak merasakan memiliki dan dimiliki, hatinya subur dengan syukur. Itulah kemuncak ketenangan dan kebahagiaan dalam hidup.

Dilema Bakal Pengantin PLHIV **76**

Semut pun Sedar... **28**

Laburkan Si Genius Mendalami Islam **96**

Alam Siber vs.
Alam Ghaib **54**

ISSN 1985-5400



43

RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (SIS)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50

AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
(Incorporated in Malaysia)

9 771985 540003

TELAGA BIRU SDN. BHD.



Imbas kod untuk ke Facebook Majalah Solusi

■ AZNAN ZUHID SAIDIN

Kewujudan Internet dan *world wide web* untuk kegunaan masyarakat umum sekitar tahun 1990-an telah membuka satu ruang baru bagi manusia untuk melakukan pelbagai aktiviti.

Ruang ini digelar *cyberspace* atau alam siber yang menjadi saluran untuk manusia berkongsi maklumat dan berinteraksi untuk pelbagai tujuan, sama ada untuk bersantai, menimba pengetahuan, menjalankan urusan perniagaan dan bermacam-macam lagi.

Alam Siber Memudahkan

Aktiviti interaksi sosial sesama manusia di alam siber kini menjadi suatu kebiasaan. Inilah lambang kemajuan dalam teknologi komunikasi yang dahulunya terbatas kepada komunikasi suara menerusi telefon.

Selain melangkaui halangan jarak fizikal, komunikasi secara siber lebih menarik dengan ciri-ciri audio, video, animasi dan teks jika dibandingkan dengan komunikasi secara bersemuka. Segala yang dapat dilihat, dibaca dan

didengar di alam siber menjadi perkara yang diterima oleh kita melalui deria, lantas membentuk satu pemahaman dalam diri kita tentang perkara tersebut.

Tanpa disedari, pemahaman ini boleh menjadi satu keyakinan tentang perkara tersebut dan menyebabkan kita berasa selesa dan selamat dengan apa-apa yang kita peroleh dari alam siber. Dengan kata lain, kita mudah mempercayai sesuatu yang ada di alam siber.

Bagi kebanyakan orang, keyakinan dan kepercayaan kepada kandungan alam siber menjadi satu prasyarat yang mendasari kemauan untuk menggunakan Internet sebagai saluran untuk berinteraksi bagi memenuhi pelbagai keperluan kehidupan, walaupun kita mungkin mempunyai perasaan waspada dan berhati-hati apabila

Alam Siber vs Alam Ghaib



melayari Internet. Jika tidak, sudah tentu alam siber akan sunyi sepi daripada sebarang kegiatan manusia.

Jangan Terlalu Percaya

Sememangnya alam siber boleh menjadi satu tempat yang selamat jika manusia menggunakaninya dengan tepat dan betul. Malah banyak kemudahan dan manfaat yang diperoleh manusia apabila berinteraksi menggunakan Internet.

Malangnya, ada manusia yang menyalahgunakan Internet sehingga menyebabkan banyak berlaku insiden yang tidak diingini. Kes-kes penipuan yang berlaku akibat terlalu mudah mempercayai apa-apa yang dipaparkan di alam siber, sering memenuhi dada akhbar. Kini, alam siber telah menjadi medan baru bagi si penipu dan si penjenayah untuk melakukan aktiviti mungkar mereka.

Kepercayaan manusia terhadap kandungan alam siber menjadi perkara asas. Terdapat satu insiden yang berlaku apabila si mangsa yakin bahawa dia sedang berurusan dengan bank secara perbankan Internet. Tanpa disedari, dia sebenarnya telah sampai ke laman web palsu yang direka supaya rupanya sama seperti laman web bank yang asli (digelar sebagai *phising site*) dan mengakibatkan segala maklumat kewangannya terdedah kepada si penjenayah.

Berlaku juga insiden apabila si mangsa terlalu mempercayai latar belakang dan "ketulusan" peribadi seseorang yang dikenalnya di alam maya. Tanpa berfikir panjang dengan menggunakan akal kurniaan Allah s.w.t., atau dek kerana tidak menjaga batas-batas pergaularan yang sewajarnya, si mangsa menjadi bahan tipu daya si penipu yang mengambil kesempatan atas kepercayaan si mangsa tersebut.

Niat seseorang untuk membeli sesuatu barang atau melaburkan wang ringgit bagi tujuan menambahkankekayaan, malah mencari "cinta sejati", semuanya musnah akibat kejahanatan si penipu. Bukan sahaja hajat yang dikehendaki tidak kesampaian, si mangsa juga terpaksa menanggung kesudahan akhir yang akibatnya bukan sedikit, sama ada dalam bentuk kerugian wang, dipenjara kerana terjebak dengan jenayah, hatta tergadai maruah dan kehormatan diri.

Jika manusia boleh percaya kepada alam siber, maka keyakinan kepada perkara ghaib haruslah lebih kuat lagi. Malang sekali, apa yang berlaku dalam masyarakat hari ini. Manusia hidup dengan cara seolah-olah kebangkitan pada hari akhirat tidak ada, tidak akan dihisab segala amalan, syurga dan neraka juga seolah-olah tidak wujud.

Hal ini berlaku apabila saat dan ketika kandungan yang terdapat di laman Internet itu dilihat, dibaca atau didengar, ia menjadi sesuatu yang terus dipercayai dan diyakini benar. Sedangkan, kepercayaan dan keyakinan itu telah dipesongkan.

Alam Ghaib itu Benar

Terdapat persoalan yang boleh diutarakan daripada insiden di atas. Jika manusia dengan begitu mudah boleh mempercayai perkara-perkara siber, bagaimana pula kepercayaan manusia terhadap perkara ghaib yang telah dinyatakan dalam Islam?

Perkara-perkara ghaib merupakan sesuatu yang diyakini oleh orang beriman dan bertakwa. Ayat ketiga surah al-Baqarah menyatakan beriman dengan perkara ghaib itu adalah antara ciri orang bertakwa. Dalam *Tafsir Ibn Kathir*, Imam Ibn Kathir menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan beriman kepada perkara ghaib itu adalah dengan beriman

kepada Allah, para malaikat, kitab-kitab, para rasul, hari akhirat, syurga dan neraka, pertemuan dengan Allah, kebangkitan dan hidup selepas mati.

Diterangkan juga bahawa beriman dengan kitab dan rasul termasuk sebagai beriman kepada perkara ghaib. Pada zaman kini; ketika Rasulullah s.a.w. telah wafat dan wahyu telah tamat proses penurunannya dan telah lengkap dalam bentuk kitab, orang Mukmin perlu beriman dengan kedua-duanya. Secara ringkasnya, orang Mukmin tetap beriman dengan perkara-perkara tersebut walaupun mereka tidak menyaksikannya dengan mata kepala sendiri.

Jika manusia boleh percaya kepada kandungan siber, maka keyakinan kepada perkara ghaib haruslah lebih kuat lagi. Malang sekali, apabila dilihat kepada apa yang berlaku dalam masyarakat hari ini. Manusia hidup dengan cara seolah-olah kebangkitan pada hari akhirat tidak ada, tidak akan dihisab segala amalan, syurga dan neraka juga seolah-olah tidak wujud. Mereka tidak gentar melakukan dosa, malah tidak hiraukan perkara-perkara yang mendatangkan pahala (apatah lagi untuk berlumba-lumba untuk mengejarnya). Dosa dan pahala juga seolah-olah tiada dalam kamus kehidupan mereka.

Mereka tidak sedar bahawa malaikat pencatat amalan senantiasa ada bersama-sama untuk memerhatikan setiap gerak langkah mereka. Lebih teruk daripada itu, mereka seolah-olah lupa bahawa Allah s.w.t. itu Maha Mengetahui segala sesuatu yang berlaku, hatta perkara yang terdetik di lubuk sanubari mereka.

Sesungguhnya, percaya kepada alam ghaib ialah benteng diri daripada melakukan kemungkaran. Ia juga merupakan motivasi ampuh yang memacu untuk meningkatkan amal soleh. Ia juga bertindak sebagai penawar hati kala ditimpa ujian hidup, dengan kepercayaan yang penuh yakin akan janji dan balasan hebat daripada Allah s.w.t. atas hamba-hambanya yang sabar dan reda.

Kepercayaan kepada perkara ghaib juga akan membentuk satu sudut pandangan yang sentiasa melihat masa hadapan dan akan melahirkan wawasan hidup yang lebih jauh melangkaui daerah alam fizikal yang fana dan sementara. Apa-apa sahaja yang dilakukan di dunia ini pasti akan memberi kesan dalam keadaan hidup kita di alam akhirat sana yang benar dan kekal.

Antara siber dan ghaib, maka ghaib itu jauh lebih tinggi darjah kesahihannya. Jadi, dalam menjalani kehidupan sehari-hari yang penuh dengan aktiviti siber, jangan lupakan hakikat kewujudan dan kebenaran perkara ghaib. **S**



Lulusan B.IRKH, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Sarjana dari Universiti Teknologi Mara (UiTM). Telah menyiapkan tesis PhD untuk Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Universiti Malaya berkaitan dengan nilai-nilai Islam dan ICT. Kini berkhdmat di Kulliyah ICT, UIAM. E-mel: aznanzs@gmail.com

AZNAN ZUHID SAIDIN